

Kompleks Penyayang Kebajikan Pertama bakal diwujudkan di Malaysia

Sri Aman, 2 Mac – Sebuah Kompleks Penyayang Kebajikan Pertama yang berkonsepkan pusat sehenti setempat bakal diwujudkan di Sarawak dalam masa terdekat ini.

Kompleks dua tingkat yang akan diwujudkan di Sri Aman itu nanti menempatkan pejabat agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk memudahkan urusan orang ramai dengan pihak kementerian terutamanya yang berkaitan dengan hal-hal kebajikan.

Antara agensi kementerian yang akan beroperasi di situ ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. Manakala perkhidmatan lain yang disediakan di situ pula ialah Pusat Aktiviti Kanak-kanak, Pusat Aktiviti Warga Emas, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti, TASKA serta tempat riadah iaitu Kafe@Teen.

“Segala urusan berkaitan dengan kebajikan yang melibatkan keluarga, kanak-kanak, warga emas, ibu tunggal dan sebagainya boleh dilakukan di situ. Jadi orang ramai tidak perlu lagi pergi ke banyak tempat untuk berurusan dengan kami,” ujar Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Sri Rohani Abdul Karim.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Penyerahan Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) kepada penerima kawasan Parlimen Batang Lupar di Dewan Suarah Sri Aman di sini hari ini. Keseluruhan penerima BR1M di kawasan berkenaan ialah 5,103 orang yang melibatkan sebanyak RM2.6 juta.

Rohani menambah, kompleks yang mempunyai 32 bilik tersebut turut menyediakan kemudahan mesra Orang Kurang Upaya (OKU) dan ia akan dijadikan sebagai projek perintis sebelum pihaknya membuka pusat tersebut di seluruh Malaysia.

“Kompleks ini akan dijadikan model terlebih dahulu dan sekiranya ia berjaya dilaksanakan nanti, ia akan dibuka di negeri-negeri lain,” katanya.

///Tamat///

Disediakan oleh:

SHAHREN YUSRI

Setiausaha Akhbar kepada YB Dato’ Sri Rohani Abdul Karim

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

2 Mac 2014